

MT tolak tubuh cawangan di Sarawak

BH 18 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Umno tidak akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan sebarang langkah menubuhkan cawangan parti itu di negeri berkenaan tidak akan diiktiraf, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, sekarang bukan masanya bagi Umno untuk berbuat demikian.

“Sekiranya kita berkembang ke Sarawak sekali pun, tujuan kita adalah untuk memperkukuhkan Barisan Nasional (BN) dan bukannya membawa perpecahan di kalangan parti BN,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di sini, hari ini.

Sabtu lalu, bekas Menteri Pertahanan yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha mengumumkan keluar daripada PBB bagi memulakan usaha membawa Umno ke Sarawak.

Dalam satu majlis di Bau dekat Kuching, Abang Abu Bakar yang digugurkan daripada senarai calon dalam pilihan raya umum November lalu, menyaksikan penubuhan enam cawangan Umno di situ membabitkan satu kampung kaum Bidayah dan satu kam-

pung Melayu.

Cawangan itu ialah Kampung Grogong, Kampung Sebuloh, Kampung Suba Bau, Kampung Suba Buan, Kampung Tembawang Baru dan Kampung Buso.

Abang Abu Bakar juga turut dilaporkan menerima kira-kira 2,000 borang permohonan untuk menjadi anggota Umno bagi bahagian Mas Gading.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah menulis surat kepada pengerusi perhimpunan terbabit dan meminta supaya tidak diadakan sebarang perhimpunan.

“Saya sudah tulis surat kepada pengerusi perhimpunan untuk menyatakan yang saya tidak iktiraf sebarang penubuhan cawangan di negeri itu dan menerangkan yang Umno Pusat tidak berhajat untuk berkembang ke Sarawak,” katanya.

Ditanya sama ada Umno Pusat akan mengambil tindakan ke atas Abang Abu Bakar, Dr Mahathir, berkata: “Kita tak boleh tangkap dia. Kita cuma tak iktiraf dia.”

Dr Mahathir turut menjelaskan tidak akan timbul sebarang masalah di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat, kerana hubungan di antara keduanya terus terjalin dengan baik.